



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	6/12/2018



NAJIB TUN RAZAK bersama Rosmah Mansor melawat Muhammad Adib Mohd. Kassim di Unit Rawatan Rapi Institut Jantung Negara (IJN), Kuala Lumpur, semalam. - GAMBAR IHSAN IJN

## Najib terharu Adib tunjuk 'bagus'

**KUALA LUMPUR 5 Dis.** - Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak terharu apabila anggota bomba yang cedera dibelasah dalam rusuhan kuil, Muhammad Adib Mohd. Kassim, 24, menunjukkan isyarat 'bagus' ketika melawat mangsa di Institut Jantung Negara (IJN) di sini hari ini.

Menurut Ahli Parlimen Pekan, Pahang itu, Muhammad Adib memberikan respon yang baik apabila disapa selain sedar akan kehadirannya bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor di wad Unit Rawatan Rapi (ICU)

tersebut.

"Dia (Adib) sedar... dia tahu saya datang, dia boleh dengar namun masih tidak boleh bercakap.

"Hari ini merupakan hari yang baik apabila Muhammad Adib buat pertama kali menunjukkan isyarat 'bagus' menggunakan tangannya," katanya ketika ditemui di sini.

Sementara itu, Rosmah berkata, sebagai seorang ibu beliau faham perasaan ibu dan tunang Muhammad Adib.

"Saya tengok dia tadi, dia sudah boleh angkat tangan, jadi

um - 6/12/2018 m/s: 12

mari kita sama-sama doakan Muhammad Adib cepat pulih. "Semoga dia sempat melangsungkan perkahwinannya seperti yang sudah dirancang pada hujung tahun ini," katanya.

Najib dan Rosmah meluangkan masa selama lebih setengah jam menziarahi Muhammad Adib di samping memberikan sumbangan kepada keluarga anggota bomba tersebut.

Muhammad Adib mengalami kecederaan parah selepas diserang dalam insiden rusuhan di kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, Subang Jaya, minggu lalu.